**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**
**[JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN]**
**-PEKELILING-**

5S
selangorku

***KEJUJURAN DAN KETEKUNAN***

Fail : MBSA/PTD/PA/100-1/1/1 Jld.2 ( )

Tarikh : 7 Oktober 2014
12 Zulhijjah 1435H

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)
DITERIMA
07 OCT 2014
M.B.S.A.

Kepada,

**Semua**

**Pengarah Jabatan / Ketua Bahagian / Pengurus Pejabat Cawangan**
**Majlis Bandaraya Shah Alam**

Tuan / Puan,

**PENGHARAMAN HIDANGAN SUP SIRIP IKAN YU DALAM JAMUAN RASMI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Majlis Kali Ke Sembilan Tahun 2014 Sesi 2013/2014 (9/2014) telah meluluskan Surat Hebahan SUK Bil. 7 Tahun 2014 bil.IPK.Sel.Pent.100-10/4/2(7) bertarikh 7 Ogos 2014 mengenai pengharaman hidangan sup sirip ikan yu dalam jamuan rasmi kerajaan.

3. Untuk makluman, Jemaah Menteri telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani Malaysia agar sup sirip ikan yu tidak dihidangkan dalam semua jamuan rasmi Kerajaan.

4. Pelaksanaan cadangan ini adalah sebagai usaha menyokong pemuliharaan biodervisiti marin dan penggunaan sumbernya secara mapan untuk generasi akan datang serta membuktikan komitmen dan tanggungjawab Kerajaan terhadap konservasi ikan yu di persada antarbangsa.

5. Selain daripada itu, langkah ini dapat menangani laporan negatif berhubung penangkapan ikan yu di Malaysia serta mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

6. Oleh yang demikian, pihak Majlis bersetuju dengan pengharaman hidangan sup sirip ikan yu di dalam semua jamuan rasmi yang dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam.

7. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan. Terima kasih.

***BERSAMA KE ARAH KEGEMILANGAN***

Saya yang menjalankan tugas,

**(MOHTAR BIN HANI)**
Timbalan Datuk Bandar
b.p Datuk Bandar
**Majlis Bandaraya Shah Alam**

**s.k Datuk Bandar**

| | | | |
|---|---|---|---|
| TPGH | | PPTM(R&D1) | |
| PTM(SIS) | | PPTM(R&D2) | |
| PTM(R&D) | | PPTM(R&D3) | |
| PTM(OTP) | | PPTM(R&D4) | |
| PPTM(OT1) | | PPTM(MUL1) | |
| PPTM(OT2) | | PPTM(MUL2) | |
| PPTM(SIS1) | | JT1 | |
| PPTM(SIS2) | | JT2 | |
| PPTM(SIS3) | | JT3 | |
| PPTM(SIS4) | | PA | |
| PPTM(SIS5) | | PTO(PTD) | |
| UNTUK TINDAKAN | | UNTUK MAKLUMAN | |
| UNTUK ULASAN | | BINCANG | |
| UNTUK DIFAILKAN | | | |

PT,
Utk makluman
kftng.
Umi

7.5.8 **Cadangan Menggunapakai Surat Hebahan Suk Bilangan 7 Tahun 2014 Mengenai Pengharaman Hidangan Sup Sirip Ikan Yu Dalam Jamuan Rasmi Kerajaan**
**(Kertas Jawatankuasa Bil. F15/ 2014) - Lampiran "F7"**

Jawatankuasa memaklumkan bahawa kertas ini dibentangkan adalah bertujuan untuk menerima pakai Surat Hebahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) Bilangan 7 Tahun 2014 mengenai Pengharaman Hidangan Sup Sirip Ikan Yu Dalam Jamuan Rasmi Kerajaan berikutan surat arahan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian Industri Asas Tani Malaysia bertarikh 16 Julai 2014.

Surat Hebahan SUK Bilangan 7 Tahun 2014 bertarikh 7 Ogos 2014 telah diterima oleh Majlis pada 11 Ogos 2014 mengenai perkara di atas. Jemaah Menteri pada 21 Mei 2014 telah bersetuju dengan cadangan Kementerian Pertanian Industri Asas Tani Malaysia untuk mengharamkan hidangan sup sirip ikan yu dalam semua jamuan rasmi Kerajaan.

Pelaksanaan cadangan ini adalah sebagai usaha menyokong pemuliharaan biodervisiti marin dan penggunaan sumbernya secara mampan untuk generasi akan datang serta membuktikan komitmen dan tanggungjawab Kerajaan terhadap konservasi ikan yu di persada antarbangsa.

Selain daripada itu, langkah ini dapat menangani laporan negatif berhubung penangkapan ikan yu di Malaysia serta mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

Pihak Majlis dipohon agar tidak menghidangkan sup sirip ikan yu dalam semua jamuan rasmi anjuran Majlis bagi menyokong usaha pemuliharaan dan konservasi ikan yu di negara ini.

**Jawatankuasa telah membincangkan perkara ini dan bersetuju mencadangkan kepada Majlis supaya menerima pakai Surat Hebahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) Bilangan 7 Tahun 2014 mengenai Pengharaman Hidangan Sup Sirip Ikan Yu Dalam Jamuan Rasmi Kerajaan berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2014.**

**Dikemukakan untuk kelulusan Majlis.**

SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7043
: 03-5544 7045
Fax : 03-5510 3062

PEJABAT DATUK BANDAR
DITERIMA
11 AUG 2014
M.B.S.A.

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : IPK.Sel. Pent. 100-10/4/2( 7 )
Tarikh : 11 Syawal 1435H
7 Ogos 2014

Semua Ketua Jabatan/Agensi Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Datuk Bandar, Bandar Raya/Yang Dipertua Majlis Perbandaran/Daerah Negeri Selangor Darul Ehsan

Semua Setiausaha Bahagian/Timbalan Pengarah/Ketua Penolong Setiausaha, Sekretariat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan,

**SURAT HEBAHAN SUK BIL. 7 TAHUN 2014**

**PENGHARAMAN HIDANGAN SUP SIRIP IKAN YU DALAM JAMUAN RASMI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya dilampirkan sesalinan surat yang saya terima daripada Pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia bertarikh 16 Julai 2014 mengenai perkara di atas.

2. Y.A.D./Y.Bhg. Dato' Setia/Dato'/Datin Paduka/Datin/Tuan/Puan sekalian diminta **mengambil perhatian** akan **para 1 hingga 4** surat berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"**
**"TERBAIK DARIPADA KAMI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**(DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI)**
**D.S.I.S., A.S.A., P.P.T.**
Suhaili7674/hebahan.suk/2014

PEJABAT DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM

| | | | |
|---|---|---|---|
| TDB | | P(PTD) | |
| TSUP/P(KEW) | | K(AUD) | |
| P(LSP) | | K(SP) RAUF | |
| P(BGN) | | K(PA) AZMI | |
| P(KOP) | | P(KHAS)SHEEMA | |
| P(KB) | | P(KHAS) ASNANI | |
| P(KEJ) | | | |
| P(PRG) | | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| TINDAKAN | | SILA HADIR | |
| SILA BINCANG | | MAKLUMAN | |
| ULASAN | | MESYUARAT PAGI | |

LAIN-LAIN :

DATO' HJ. MOH... MOHD ATAN
15/08/...

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
ARAS 15, WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA, MALAYSIA

SECRETARY GENERAL
Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry Malaysia

moa INCORPORATED
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tel : 603-8888 6637 / 8870 1014
Fax : 603-8888 0181
E-mail : arif@moa.gov.my

5 AUG 2014

DITERIMA
04 AUG 2014
Setiausaha Kerajaan Negeri

Ruj. Kami : KP/ITTP/R/4/216/2 Jld. 24 (14)
Tarikh : 16 Julai 2014

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN I**

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan

p/p Dato' Haji MOHAMMED KHUSRIN BIN HAJI MUNAWI
Setiausaha Kerajaan Negeri
Selangor

**PENGHARAMAN HIDANGAN SUP SIRIP IKAN YU DALAM JAMUAN RASMI KERAJAAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 21 Mei 2014 yang lalu telah bersetuju dengan cadangan Kementerian ini supaya sup sirip ikan yu tidak dihidangkan dalam semua jamuan rasmi Kerajaan. Pelaksanaan cadangan ini dapat menyokong usaha pemuliharaan biodiversiti marin dan penggunaan sumbernya secara mapan untuk generasi akan datang serta membuktikan komitmen dan tanggungjawab Kerajaan terhadap konservasi ikan yu di persada antarabangsa. Pada masa yang sama, langkah ini dapat menangani laporan-laporan negatif berhubung penangkapan ikan yu di Malaysia serta mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon agar sup sirip ikan yu tidak dihidangkan dalam semua jamuan rasmi anjuran pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan bagi menyokong usaha pemuliharaan dan konservasi ikan yu di negara ini.

1Malaysia
Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

***"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"***
***"JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH"***

Saya yang menurut perintah,

**( DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN )**

***Salinan Kepada:***

SUSK YB. Menteri

SUB (KP)

Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
Aras 1-6, Wisma Tani,
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
**62628 PUTRAJAYA**